

23 APR 1997

Mahathir-Myanmar

SEKATAN AS TIDAK HALANG MYANMAR SERTAI ASEAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan Amerika Syarikat untuk mengenakan sekatan ekonomi terhadap Myanmar tidak akan menjejaskan kemasukan Yangon ke dalam Asean.

"Kami akan bekerja keras untuk memastikan penyertaan Myanmar dalam Asean," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai keputusan pentadbiran Clinton untuk mengenakan sekatan baru terhadap pelaburan AS dalam Myanmar.

Ketika ditanya jika Malaysia, pengerusi semasa Asean, akan membuat bantahan terhadap keputusan AS itu, Perdana Menteri berkata Malaysia akan membincangkan perkara itu dengan negara Asean lain.

Semasa ditanya sama ada keputusan itu akan menjejaskan hubungan Asean dengan AS, beliau berkata: "Tidak, saya tidak tahu. Saya tidak dapat meramalkan apa pandangan Asean. Saya akan berbincang dengan negara-negara Asean."

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan laman dan keanggotaan panduan Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia.

Para menteri luar Asean dijadual bertemu di sini pada 31 Mei untuk membincangkan tarikh kemasukan Myanmar, Kemboja dan Laos ke dalam Asean yang kini dianggotai Malaysia, Thailand, Singapura, Brunei, Vietnam, Indonesia dan Filipina.

Pada pertemuan tidak rasmi di Jakarta tahun lepas, para pemimpin Asean memutuskan ketiga-tiga negara akan menyertai Asean serentak.

Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat menteri-menteri Asean pada Julai dan sidang kemuncak tidak rasmi Asean pada Disember.

Setiausaha Negara AS Madeleine Albright mengumumkan pengharaman pelaburan baru AS di Myanmar pada Selasa, sambil menyebut bahawa ia "tamparan lebih hebat terhadap keyakinan pelabur" kerana "penindasan teruk" di negara itu.

Albright berkata para pemimpin Myanmar telah menolak rayuan berulang kali negaranya supaya diadakan dialog terbuka dengan pengamal demokratik Myanmar termasuk pemenang Hadiah Keamanan Nobel Aung San Suu Kyi.

-- BERNAMA

ES AHH